

Tawaran Malaysia jadi orang tengah berlandas prinsip diplomasi, dasar konsisten

• Apabila Malaysia menawarkan diri sebagai pengantara, ia bukan atas dasar berpihak, tetapi kerana kedekatan strategik yang memungkinkan peranan sebagai jambatan antara kedua-dua negara Asia Selatan itu

• Realitinya, diplomasi Anwar ibarat menawarkan jambatan, bukan memaksa, apa lagi mahu memihak. Perdana Menteri hanya menawarkan ruang dialog berdasarkan hubungan baik dan prinsip kemanusiaan sejagat



Uthmaniyah Dikan
(Penyelidikan dan
Pembangunan) Pusat
Pengajian Antarabangsa,
Kolej Undang-Undang,
Kerajaan dan Pengajian
Antarabangsa, Universiti
Utara Malaysia

**Olleh Prof Madya Dr Siti Darwinda
Mohamed Fero**
bh@rcana@bh.com.my

Kritikan dilemparkan media India terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berhubung kenyataannya menawarkan diri sebagai pengantara dalam perang antara India dengan Pakistan, wajar dinilai dengan lebih objektif dan berlandaskan prinsip diplomasi antarabangsa, bukannya emosi nasionalisme sempit.

Apatah lagi kemungkinan peningkatan ketegangan terburuk dalam beberapa dekad antara dua negara jiran yang memiliki senjata nuklear itu, semakin ketara.

India melancarkan serangan selepas New Delhi mendakwa Islamabad menyokong serangan terhadap pelancong di Kashmir yang ditadbir India, tetapi dinafikan Pakistan.

Sehingga pagi semalam, sekurang-kurangnya 43 kematian dilaporkan dengan Islamabad menyatakan 31 orang awam terbunuh akibat serangan udara dan tembakan rentas sempadan India, manakala New Delhi pula mendakwa sekurang-kurangnya 12 kematian akibat serangan balas Pakistan.

Jurucakap tentera Pakistan, Mejar Jeneral Ahmed Sharif Chaudhry pula melaporkan lima jet pejuang India ditembak jatuh di sempadan, tetapi sumber keselamatan kanan India menyebut tiga jet pejuang India terhempas di wilayahnya sendiri.

Apa yang berlaku antara kedua-dua negara mempunyai implikasi besar bukan sahaja kepada negara dan rakyat masing-masing, bahkan boleh menjejaskan geopolitik serantau dan ekonomi dunia.

Justeru, tawaran diberikan Perdana Menteri itu perlu dilihat dalam konteks lebih besar, apatah lagi ia berdasarkan prinsip diplomasi.

Pertama, tawaran Anwar untuk menjadi orang tengah tidak datang daripada kecondongan politik kepada mana-mana pihak bertelagah, sebaliknya adalah daripada prinsip penyelesaian konflik dan diplomasi damai yang sekian lama menjadi tunjang dasar luar Malaysia.

Kenyataan Perdana Menteri menyebut secara jelas bahawa Malaysia mengemukakan keagungan dalam apa jua bentuk, sekali gus menyokong siasatan bebas dan telus untuk mengenal pasti pihak sebenar yang

bertanggungjawab terhadap serangan pengeboman pada 22 April lalu yang mengorbankan 36 pelancong.

Adakah kenyataan diberikan Anwar itu memihak kepada mana-mana negara? Sudah tentu tidak, sebaliknya ia adalah pendirian universal yang menolak keganasan, menyeru siasatan dan menawarkan ruang dialog.

Hubungan diplomasi dan pembangunan era

Malah, harus diingat Malaysia mempunyai hubungan diplomatik dan perdagangan yang sangat erat dengan kedua-dua negara berkenaan yang merangkumi kerjasama dalam pelbagai sektor termasuk pendidikan, tenaga serta teknologi.

Maka, apabila Malaysia menawarkan diri sebagai pengantara, ia bukan atas dasar berpihak, tetapi kerana kedekatan strategik yang memungkinkan peranan sebagai jambatan antara kedua-dua negara Asia Selatan itu.

Selain itu, tuduhan bahawa Anwar 'tidak mengiktiraf kedaulatan India ke atas Kashmir' kerana menyebutnya sebagai 'Kashmir yang ditadbir India' adalah tidak berdasar dan tidak akademik.

Istilah itu digunakan dalam pelbagai forum antarabangsa termasuk Perubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), merujuk kepada status pentadbiran

Kepulauan kecil di Nandar
Kawila daerah Ayonchi, India,
akibat perang antara India
dan Pakistan. (Ewa AFP)



wilayah berkenaan tanpa menafikan kedaulatan se-sebuah negara.

Malah, kenyataan itu tidak menyebut sebarang sokongan terhadap pemisahan atau meridakkan integriti wilayah India.

Sebaliknya, ia menyuarakan keprihatinan terhadap ketegangan kemanusiaan yang berlaku, sesuatu yang menjadi hak dan tanggungjawab moral bagi mana-mana pemimpin dunia.

Media India, seperti *Firstpost* dan *wartawannya*, Palki Sharma, dilihat membalas kenyataan Anwar dengan sindiran berat sebelah. Pada masa sama, mereka enggan mengulas kenyataan Anwar yang menyeru kemanusiaan, menolak keganasan dan menggesa penyelesaian damai.

Lebih membimbangkan, mereka menggunakan retorik 'tidak mengemukakan di negara sendiri apa yang didakwakan' sebagai justifikasi, tanpa memperincikan secara spesifik isu apa yang didakwakan.

Ini adalah satu bentuk retorik serangan peribadi yang tidak menambah nilai terhadap perbincangan diplomatik.

Kenyataan Anwar juga dibuat ketika mengulas pengeboman lawatan rasmi Perdana Menteri Pakistan, Shehbaz Sharif ke Malaysia. Maka, ia juga perlu dilihat dalam konteks itu.

Hakikatnya, Malaysia sebagai negara majoriti Islam yang sederhana dan dihormati di pentas antarabangsa, mempunyai reputasi yang membolehkan ia memainkan peranan dalam menyuarakan keadilan dan kemanusiaan.

Pendirian Anwar adalah selaras dengan usaha Malaysia sejak era Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak Hussein lagi, yang menyokong penyelesaian damai dalam konflik serantau termasuk di Vietnam, Myanmar dan Asia Barat.

Realitinya, diplomasi Anwar ibarat menawarkan jambatan, bukan memaksa, apa lagi mahu memihak. Perdana Menteri hanya menawarkan ruang dialog berdasarkan hubungan baik dan prinsip kemanusiaan sejagat.

Kritikan yang dilemparkan terhadap beliau seharusnya dilihat dalam konteks realiti geopolitik dan tradisi diplomasi Malaysia yang konsisten.

Apa yang dunia perlukan saat ini bukanlah keangkuhan unilateral, tetapi keberantian untuk menjadi pendamai.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH